

vensi untuk mengembalikan perpaduan nasional. Adakah pelaksanaan dasar ini berada di landasan tepat selari dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030?

Di sini saya ingin timbulkan dua perkara iaitu kerangka pemikiran DPN dan Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) serta status Kementerian Perpaduan Negara supaya lebih berupaya atau 'bertaring' dalam pelaksanaan dasar dan programnya.

Hubungan DPN yang dilancarkan pada 15 Februari 2021 dengan WKB yang dilancarkan pada 2019 memang erat. WKB merupakan gagasan baharu untuk tempoh 10 tahun sehingga 2030 menggantikan Wawasan 2020 yang tempohnya 30 tahun dan tamat pada 1 Januari 2020. Matlamatnya untuk membangun Malaysia menjadi sebuah negara maju dan makmur.

Cuma satu kemusykilan saya ialah kenapa WKB tidak mahu menggalas cabaran pertama Wawasan 2020 untuk membina Bangsa Malaysia secara terang-terangan sebagai rupa bangsa ke arah 2030 dalam proses menjadi negara maju? Pembinaan bangsa adalah satu proses penyatupaduan warga dengan identiti sepunya.

Kenapa DPN pun tidak menyentuh Wawasan 2020 dan Bangsa Malaysia dalam kerangka besarnya sedangkan Wawasan 2020 sudah menjadi naratif utama negara kita untuk 30 tahun sejak 1991. DPN menyebut negara bangsa dan identiti nasional tetapi tidak mengaitkannya dengan bangsa Malaysia. Sedangkan bangsa Malaysia sudah diungkapkan oleh Tun Abdul Razak sejak tahun 1967 dan kemudian pada 1971 semasa melancarkan Dasar Ekonomi Baru yang matlamatnya untuk perpaduan nasional. Dan konsep ini diteruskan lagi oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1991 semasa melancarkan Wawasan 2020.

Kedua, kerangka pemikiran DPN tentang 'perpaduan dalam kepelbagaian' untuk mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan serta Rukun Negara memang sesuai. Ia boleh menjadi pembimbing dalam pelaksanaan WKB khususnya berkaitan isu-isu inklusif pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta ketaksamaan dan membina negara supaya bersatu, makmur dan bernaah.

DPN harus memantau pelaksanaan WKB khususnya supaya dapat memastikan kepentingan Sabah dan Sarawak serta golongan terpinggir kota dan desa termasuk B40 merentasi kaum dan agama di seluruh negara baik di Semanjung mahupun di Sabah dan Sarawak dapat terbelas.

Isunya, status Kementerian Perpaduan Negara perlu lebih utuh dengan legitimasi lebih kuat untuk melaksanakan DPN. Dengan status dan legitimasi yang lebih kuat, nasihat Kementerian Perpaduan Negara akan lebih dipandang dalam pelbagai isu terutama WKB melalui bidang ekonomi, sosial dan integrasi wilayah supaya dapat dilaksanakan selaras dengan cita-cita perpaduan dan integrasi nasional.

Penggunaan media sosial kian meluas dalam kalangan generasi muda. Banyak hantaran berkaitan hubungan baik antara kaum dikongsikan seperti orang India bantu jiran Melayu dan sebagainya. Bagaimana Profesor melihat impak media sosial pada generasi akan datang

dalam aspek perpaduan nasional?

Zaman sekarang boleh dirujuk sebagai zaman media sosial. Media konvensional walaupun masih sangat berpengaruh khususnya liputan televisyen untuk memberi kesan kepada penonton tentang sesuatu isu itu tidak dapat menandingi media sosial dalam kecepatan menarik perhatian kepada sesuatu isu dalam komuniti dan masyarakat luas yang melibatkan kehidupan rakyat berbilang kaum.

Keberkesanan peranan media sosial ini sangat ketara semasa negara dilanda bencana seperti pandemik Covid-19, banjir dan musibah lain. Jangkauannya sangat luas, pantas dan berpengaruh.

Teknologi media sosial telah melahirkan *citizen journalism* khususnya dalam kalangan generasi muda. Dengan keterbukaan satu ruang baharu ini, ada segi positif dan negatifnya. Dari segi negatif, ada berita palsu, fitnah dan lain-lain diputarakan, soal perkauman dan kebencian agama boleh disebarkan sehingga menjejaskan hubungan antara kaum dan agama. Perkara ini sesuatu yang perlu dikawal melalui pendidikan dan undang-undang.

Tetapi aspek positifnya jauh mengatasi aspek negatif. Peranan NGO dan generasi muda di sini sangat penting. Contoh tentang banyak video dengan kisah-kisah mengharukan yang menunjukkan sikap saling menolong antara kaum semasa susah memang baik sekali.

Ia mengharukan dan menyemai perasaan senasib dan kebersamaan sebagai satu bangsa Malaysia walaupun kaum berbeza. Kita tidak akan tahu kisah-kisah ini jika media tidak mengangkatnya dalam televisyen. Mujurlah media sosial dapat mengisi keperluan ini dengan menyebarkannya untuk pengetahuan umum.

Media sosial adalah saluran berita pertama yang akan muncul apabila berlaku musibah, menyalurkan suara mereka dalam kesusahan meminta pertolongan dan lain-lain. Media sosial juga mampu mengatur langkah menyusun bantuan yang perlu dengan pantas.

Masih terdapat pemimpin politik yang membangkitkan isu semasa dan sering mengaitkan ia dengan kaum tertentu.

Adakah situasi politik pada hari ini menggugat perpaduan nasional? Apa nasihat Profesor kepada ahli politik.

Memang ada orang politik termasuk ketua parti yang membangkitkan isu dan mengaitkannya dengan kaum tertentu. Ini pencerminan tahap politik negara kita di mana orang-orang politik termasuk mereka yang menganggap dirinya pemimpin masih memainkan sentimen kaum dan agama untuk mendapat sokongan. Ini satu ciri politik negara kita yang berterusan sejak dahulu sehingga sekarang yang patut diwaspadai.

Di sisi lain, politik yang lebih matang dan bertanggungjawab juga semakin berkembang. Contoh, semasa Covid-19 dan perlunya kestabilan politik untuk meningkatkan usaha melawan pandemik. Atas nasihat Yang di-Pertuan Agong, pemimpin parti politik dari kedua-dua pihak kerajaan dan pembangkang boleh mengambil sikap mengatasi kepentingan politik berparti masing-masing dan menumpukan perhatian kepada kepentingan negara dengan mengambil langkah gencatan politik melalui perjanjian persefahaman (MoU). Maka wujudlah kestabilan politik, dengan demikian urusan pemerintahan dan pentadbiran dapat dijalankan seperti sepatutnya.

Saya percaya dan mengharapkan proses politik matang dan sihat seperti ini akan terus berkembang dan menjadi arus utama dalam budaya politik di negara kita. Saya juga percaya dan mengharapkan politik yang berasaskan dasar dan program untuk negara serta rakyat ditonjol dan didebatkan, bukannya politik picisan dan kotor yang memainkan isu kaum dan agama yang meracuni pemikiran rakyat.

Ahli-ahli politik perlu insaf mereka memikul amanah yang amat besar dan berat. Negara kita kini berada di persimpangan untuk memulihkan ekonomi dan kehidupan rakyat. Begitu juga negara kita perlu dipulihkan daripada segi integriti dan tabdir urus yang baik untuk membanteras rasuah dan penyelewengan. Kita juga perlu membanteras budaya *cash is king*, politik wang dan lain-lain perbuatan tidak berprinsip.

Beberapa langkah reformasi institusi

seperti Rang Undang-Undang (RUU) Anti-Lompat Parti yang baru diluluskan perlu dilaksanakan. Juga banyak lagi reformasi yang perlu dilakukan.

Prinsip pemisahan kuasa eksekutif, legislatif dan kehakiman harus dipertahankan. Kita patut bersyukur badan kehakiman kini dapat berfungsi sebagai benteng terakhir untuk mempertahankan keadilan dan menjunjung undang-undang tanpa gentar dan memihak. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab ahli politik dan seluruh rakyat untuk menyokong kebebasan badan kehakiman. Mereka tidak harus menyerangnya kerana kepentingan politik peribadi, apa lagi kerana kejahilan.

Apa nasihat Profesor kepada rakyat sempena Hari Malaysia ke-59 tahun ini?

Kita sudah bersetuju untuk hidup bersama dalam sebuah negara bernama Malaysia. Kita sudah lakukan ini selama 59 tahun walaupun terdapat pelbagai masalah yang perlu ditangani. Rakyat perlu menganggap masalah ini sebagai sebahagian daripada cabaran hidup bernegara dan berusaha menangannya dalam semangat persefahaman dan kekeluargaan.

Daripada kehidupan bernegara, saya harap rakyat akan terus berusaha mengembangkannya menjadi kehidupan sebangsa dengan suatu identiti nasional sepunya iaitu bangsa Malaysia. Dengan membina bangsa Malaysia tidak bererti identiti kaum masing-masing akan terhapus. Hak identiti masing-masing terlindung dalam Perlembagaan dan Rukun Negara.

Dasar yang dilaksanakan ialah integrasi, bukan asimilasi. Identiti bersifat berlapis. Kita boleh mempunyai beberapa identiti dalam masa yang sama. Kita boleh mengekalkan identiti kaum masing-masing tetapi pada masa sama, identiti ini boleh wujud di bawah payung yang lebih besar iaitu identiti nasional sepunya, bangsa Malaysia.

Saya harap tahun hadapan apabila kita merayakan ulang tahun ke-60 Hari Malaysia, kita akan lebih merasa kebersamaan dan pertautan sebagai bangsa Malaysia.

